

GARIS PANDUAN MODEL PERUNCITAN



INISIATIF



BERSAMA



TARIKH KUATKUASA: 1 NOVEMBER 2022

PENTING

Dokumen ini mengandungi maklumat sulit yang dimiliki secara eksklusif oleh **Kementerian Pembangunan Usahawan & Koperasi (KUSKOP)** bersama **Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)** dan **Institut Koperasi Malaysia (IKMa)**. Tidak ada maklumat sulit atau maklumat perniagaan yang terkandung dalam prosedur ini boleh diedarkan, diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran, atau ditukarkan dalam apa-apa bentuk atau dengan apa jua cara samada elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman, atau sebaliknya tanpa mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada **KUSKOP**.

ISI KANDUNGAN

Bil.	Perkara	Muka Surat
1.	Tanggungjawab, Edaran dan Semakan Garis Panduan	4
2.	Terminologi dan Singkatan Nama	6
3.	Pengenalan	7
4.	Jawatankuasa Petugas Khas (<i>Task Force</i>) Pemerksaan Sektor Pemborongan dan Peruncitan Koperasi	9
5.	Pelaksanaan Fasa Pertama: Penjenamaan Semula (<i>Rebranding</i>)	11
6.	Model dan Format Peruncitan Secara Am	14
7.	Model dan Format Peruncitan COOP Mart	19
8.	Lesen Perniagaan Runcit	27
9.	Senarai Pusat Pengedaran Koperasi	30
10.	Punca Kuasa Dokumen	36

1. TANGGUNGJAWAB, EDARAN DAN SEMAKAN GARIS PANDUAN

1.1. Tanggungjawab

Untuk tujuan proses pengurusan garis panduan (GP) berjalan lancar, tugas dan tanggungjawab pihak yang terlibat adalah seperti berikut:

Penyedia GP	Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)
Penyemak GP	Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP)
Pemilik GP	SKM
Pengguna GP	Koperasi yang berdaftar dengan SKM dan menjalankan aktiviti perniagaan di bawah sektor pemborongan dan peruncitan

1.2. Edaran

Garis panduan ini boleh didapati dan diedarkan melalui saluran berikut;

Salinan Asal	Pusat Kawalan Dokumen IKMa
Salinan Kawalan	Dipaparkan di atas talian (laman sesawang); https://www.kuskop.gov.my http://www.ikma.edu.my https://www.skm.gov.my http://angkasa.coop
Salinan Tiada Kawalan	Apabila diperlukan, sila dapatkan daripada tempat Kawalan Dokumen, IKMa

1.3. Notis Semakan

Garis panduan ini tertakluk kepada semakan secara komprehensif pada atau sebelum **30 Oktober 2026** atau tarikh lain yang ditetapkan oleh **KUSKOP**.

1.4. Kekerapan Semakan

Garis panduan ini perlu disemak pada tarikh yang telah dinyatakan dalam Notis Semakan atau tidak lebih daripada 5 tahun daripada tarikh penguatkuasaan garis panduan ini. Walau bagaimanapun, jika terdapat perubahan, Pemilik GP boleh dari masa ke semasa membuat semakan dan perubahan kepada garis panduan terdahulu.

2. TERMINOLOGI DAN SINGKATAN NAMA

Bil	Terminologi / Singkatan Nama	Maksud
i.	ANGKASA	Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad
ii.	DC(s)	<i>Distribution Centre(s)</i> atau pusat pengedaran
iii.	FMCG(s)	<i>Fast Moving Consumer Good(s)</i>
iv.	GP	Garis Panduan
v.	IKMa	Institut Koperasi Malaysia
vi.	KUSKOP	Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi
vii.	KPDNHEP	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Malaysia
viii.	PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
ix.	SKM	Suruhanjaya Koperasi Malaysia
x.	SKU(s)	<i>Stock Keeping Unit(s)</i> atau variasi barang yang ditawarkan untuk jualan
xi.	SSM	Suruhanjaya Syarikat Malaysia

3. PENGENALAN

- 3.1. Peruncitan (*retailing*) adalah salah satu aktiviti perniagaan yang bermatlamat menjual barang dan perkhidmatan kepada pengguna akhir (*final consumer*).
- 3.2. Peruncit (*retailer*) ialah pertubuhan perniagaan yang mengarahkan usaha pemasarannya ke arah pengguna akhir untuk tujuan menjual barang atau perkhidmatan.
- 3.3. Berdasarkan definisi di atas peruncit boleh diklasifikasikan sebagai peruncit barang atau peruncit perkhidmatan.
- 3.4. Aktiviti utama peruncit barang ialah menjual barang dan disokong oleh perkhidmatan pelengkap (*complementary services*) yang sesuai.
- 3.5. Yang membezakan antara peruncitan dan pemberongan ialah perkataan pengguna akhir (*final consumer*). Manakala yang membezakan antara jualan runcit dengan jenis jualan lain ialah tujuan pembelian dibuat. Jika pembelian dibuat untuk kegunaan sendiri atau peribadi ia dikategorikan sebagai jualan runcit. Jika pembeli membeli barang untuk tujuan jualan semula untuk mendapat keuntungan atau barang digunakan semula untuk perniagaan ia tidak dikategorikan sebagai jualan runcit.
- 3.6. Selain daripada itu, mana-mana pertubuhan perniagaan yang menjalankan kedua-duanya; peruncitan dan bukan peruncitan, ia diklasifikasikan sebagai peruncit jika jualan runcitnya melebihi 50% daripada jualan keseluruhan perniagaannya.
- 3.7. Peranan peruncit termasuk;
 - 3.7.1. Peruncit sebagai penghubung antara pengeluar dan pengguna akhir

Peruncit mendekatkan jurang perbezaan antara apa yang sesuai untuk proses pengeluaran dan apa yang diperlukan oleh pengguna dalam aktiviti penggunaan mereka. Ini termasuk menawarkan kepelbagaiian, kuantiti yang kecil,

tempat/ruang pameran dan masa pembelian yang bersesuaian.

3.7.2. Peruncit sebagai pemain dalam saluran dan rantaian bekalan


Sebagai perantara dalam rantaian bekalan dan saluran pemasaran, peruncit berurusan dan mendapat bekalan daripada satu atau lebih pengedar/pembekal dan ia menjalankan aktiviti pembelian, menerima, menyimpan dan mempamer barang di lokasi dan ruang yang selesa dikunjungi oleh pengguna akhir.

3.7.3. Peruncit sebagai pencipta imej

Peruncitan ialah aktiviti mencipta dan menonjolkan imej. Pelanggan seringkali menilai dan memilih peruncit berdasarkan imej yang peruncit tonjolkan. Oleh itu peruncit perlu memilih dan menjalankan komunikasi imej yang betul kepada pengguna akhir.

4. JAWATANKUASA PETUGAS KHAS (TASK FORCE) PEMERKASAAN SEKTOR PEMBORONGAN & PERUNCITAN KOPERASI

- 4.1. Program Pemerkaaan Sektor Pemborongan & Peruncitan Koperasi mempunyai matlamat untuk:
 - 4.1.1. Membangunkan dan mengukuhkan rantaian bekalan di kalangan Koperasi di mana barang diberi secara pukal untuk bekalan kepada kedai-kedai koperasi di seluruh negara;
 - 4.1.2. Memperkasakan dan meningkatkan penglibatan koperasi dalam sektor pemborongan dan peruncitan melalui penguasaan rantaian bekalan (*supply chain*) dan rantai nilai (*value chain*);
 - 4.1.3. Membantu kerajaan menangani isu kenaikan kos sara hidup rakyat; dan
 - 4.1.4. Memudahkan pengguna mendapatkan barang asas dengan harga yang lebih rendah atau murah.
- 4.2. Untuk memastikan pelaksanaan program atau projek di bawah Pemerkaaan Sektor Pemborongan Dan Peruncitan Koperasi serta Jawatankuasa Petugas Khas (*Task Force*) Pemerkaaan Sektor Pemborongan & Peruncitan Koperasi ditubuhkan.
- 4.3. Di antara inisiatif (program dan projek) yang dirancang di bawah Pemerkaaan Sektor Pemborongan & Peruncitan Koperasi termasuk:
 - 4.3.1. Fasa 1 : Penjenamaan Semula (*Rebranding*)
 - 4.3.2. Fasa 2 : Memantapkan Outlet Jualan
 - 4.3.3. Fasa 3 : Mengukuhkan Pusat Pengedaran
 - 4.3.4. Fasa 4 : Menawarkan Subsidi Bersasar (jika ada)
 - 4.3.5. Fasa 5 : Pendigitalan Koperasi



- 4.4. Garis panduan ini disediakan untuk menyokong usaha **Pemerkasaan Sektor Pemborongan & Peruncitan Koperasi**, di bawah inisiatif Fasa 1: Penjenamaan Semula (*Rebranding*) peruncitan koperasi;
- 4.4.1. Untuk tujuan pemerkasaan sektor pemborongan & peruncitan koperasi, kerajaan perlu merangka satu model yang seragam untuk digunakan oleh semua kedai runcit koperasi untuk memastikan pembangunan kedai runcit koperasi lebih teratur, moden dan menarik.
 - 4.4.2. Garis panduan ini juga menjelaskan ciri-ciri setiap model peruncitan COOP Mart untuk memudahkan koperasi merancang sumber, pembangunan dan operasi perniagaan peruncitan mengikut model pilihan mereka.
- 4.5. Dokumen ini perlu dijadikan panduan dan rujukan kepada;
- 4.5.1. Semua koperasi yang menyertai outlet COOP Mart dan koperasi yang bercadang untuk membangunkan perniagaan yang berdasarkan peruncitan.
 - 4.5.2. Semua agensi yang terlibat dalam merancang, mengurus, mentadbir dan mengawal pelaksanaan kedai runcit di bawah Program Pemerkasaan Sektor Pemborongan & Peruncitan Koperasi termasuk SKM, IKMa dan ANGKASA.

5. PELAKSANAAN FASA PERTAMA: PENJENAMAAN SEMULA (REBRANDING) KEPADA COOP MART

Di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Petugas Khas (*Task Force*) Pemerksaan Sektor Pemborongan dan Peruncitan Koperasi Bil. 1/2022 bertarikh 25 Februari 2022 telah bersetuju bahawa;

5.1. Logo COOP Mart dan Maksud

Logo COOP MART telah dibangunkan dengan bertemakan warna merah & putih.



5.1.1. COOP

Menunjukkan singkatan perkataan koperasi yang melambangkan perpaduan dan kerjasama antara koperasi-koperasi di Malaysia.

5.1.2. Mart

Outlet koperasi yang menjalankan aktiviti peruncitan

5.1.3. Warna merah

Melambangkan keberanian dan daya tarikan yang tinggi terhadap gerakan koperasi dalam penglibatan pelbagai sektor ekonomi selaras dengan prinsip penubuhan koperasi.

5.1.4. Warna putih

Melambangkan keikhlasan, kebaikan dan keprihatinan koperasi kepada anggota koperasi dan masyarakat.

5.2. Pemfailan Jenama COOP Mart di MyIPO

SKM telah membuat permohonan pemfailan jenama COOP Mart pada 9 Mac 2022 dengan Nombor Pendaftaran Tanda Dagang TM2022000761.



Perbadanan Harta Intelek Malaysia
Intellectual Property Corporation of Malaysia
Unit 1-7, Ground Floor, Menara UOA Bangsar, No. 5, Jalan Bangsar Utama 1,
59000 Kuala Lumpur. Tel: +603-2299 8400 Fax: +603-2299 8909
Website: <http://www.myipo.gov.my>



TRADE MARK DETAILS

Disclaimer: The information available is not intended to be comprehensive information. Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) shall not be liable to any consequences of errors or omissions.

Application number	: TM2022000761	Date Gazetted:	
Application Date	: 09 Mar 2022	Date Registered	
Legal Status	: Under Formality Validation	Date of Cert Issued	
Date of Legal Status	: 10 Mar 2022	Expiry date	
Nature of Mark	: Word & Figurative		
Type of Registration	: Trade Mark		
Transliteration	:		
Translation	:		
Disclaimer/Condition	:		
Applicant:	SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA (SKM)	Correspondence Address:	SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA (SKM)
Default Address:	MENARA SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA, CHANGKAT SEMANTAN, OFF JALAN SEMANTAN, BUKIT DAMANSARA, WILAYAH PERSEKUTUAN, KUALA LUMPUR 50490, Malaysia	Default Address:	MENARA SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA, CHANGKAT SEMANTAN, OFF JALAN SEMANTAN, BUKIT DAMANSARA, WILAYAH PERSEKUTUAN, KUALA LUMPUR 50490, Malaysia

Denomination: coop MART
Mark:



Mark Description:

Color Condition: The Trade Mark is limited to the colours as shown in the representation on the form of the application.

Classes and list of Goods and Services: Class 35

Retail services provided by convenience stores.

Date Printed : 25 Mar 2022
Printed By : None

Note: This document is computer generated and no signature is required.



Page 1 of 1

5.3. Papan Tanda Perniagaan

Kedai runcit koperasi perlu mempamerkan papan tanda (*signboard*) COOP Mart dan juga mematuhi spesifikasi pemasangan papan tanda yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di lokasi operasi masing-masing.



5.4. Produk COOP Mart

COOP Mart digalakkan menjual minimum 1% produk keluaran koperasi daripada 100% jumlah *Stock Keeping Unit* (SKU) di outlet.

5.5. Pengurusan Stok Dihubungkan dengan Sistem Pusat Pengedaran (DC)

Untuk membuat tempahan stok di talian/secara digital, *Sistem Warehouse Management System* (WMS) atau *Distribution Management System* (DCMS) dihubungkan antara Pusat Pengedaran (DC) dan outlet COOP Mart. Sistem ini digunakan untuk membuat/mengambil tempahan stok di talian/secara digital antara outlet & DC. Adalah dicadangkan agar DC mendapatkan persetujuan outlet sebelum mengaktifkan auto tempahan atau outlet menyediakan *blanket order*. Jika tiada kedua-duanya, tempahan secara manual perlu digunakan.

5.6. Penjanaan Pendapatan Tambahan Kedai Melalui Yuran Perkhidmatan

Bagi menambahkan pendapatan runcit, COOP Mart boleh mengenakan yuran perkhidmatan peruncitan yang diberi kepada pembekal seperti bayaran pendaftaran atau *Listing Fee*, sewaan ruang jualan dan sewaan rak. Yuran perkhidmatan ini ditetapkan mengikut strategi perniagaan COOP Mart masing-masing.

6. MODEL DAN FORMAT PERUNCITAN SECARA AM

- 6.1. Secara amnya, model atau format peruncitan berbeza mengikut strategi persaingan runcit.
- 6.2. Terdapat sekurang-kurangnya 6 strategi persaingan yang berbeza yang mencirikan pelbagai format peruncitan yang berbeza;
- 6.3. Strategi Persaingan di dalam peruncitan berbeza dari segi;



6.3.1. Pemilihan Barang

Format Peruncitan;

- a) Kedai Khusus (*Specialty Store*)
- b) Gedung Jualan (*Departmental Store*)

6.3.2. Pemilihan Harga

Format Peruncitan;

- a) Peruncitan Pasaraya Besar (*Superstore retailing*)
 - i. Pasaraya (*Supercenter*)
 - ii. Pasaraya Besar (*Hypermarket*)

- b) Peruncitan Diskaun
 - i. Kedai Serbaneka (*Variety Store*)
 - ii. Kedai Diskaun (*Discount Store*)

- c) Peruncitan *Off Price*
 - i. Outlet Kilang (*Factory Store / Outlet*)
 - ii. *Independent Off-Pricers*
 - iii. *Close-Out Stores*
 - iv. *One-Price Retailers*

6.3.3. Struktur Organisasi

Format Peruncitan;

- a) Peruncitan secara rangkaian kedai (*Chain Store Retailing*)
 - i. Rangkaian Kecil (*Small Chain*)
 - ii. Rangkaian Besar (*Large Chain*)

- b) Peruncitan Secara Kontrak (*Contractual Retailing*)
 - i. Kumpulan Koperasi Tajaan Peruncit (*Retailer-Sponsored Cooperative Group*)
 - ii. Rangkaian Sukarela Tajaan Pemborong (*Wholesaler-Sponsored Voluntary Chain*)
 - iii. Franchise (*Franchise Retailers*)
 - iv. Pajak (*Leased Department*)

- c) Peruncitan Secara Gudang (*Warehouse Retailing*)
 - i. Bilik Pameran Gudang (*Warehouse Showroom*)
 - ii. Bilik Pameran Katalog (*Catalog Showroom*)
 - iii. *Home Center*
 - iv. *Warehouse Club*

6.3.4. Keselesaan Masa Dan Tempat

Format Peruncitan;

- a) Peruncitan Makanan dan Barang Asas (*Food & Essential Goods Retailing*)
 - i. Pasaraya (*Supermarket Retailing*)
 - ii. Kedai Selesa (*Convenience Store Retailing*)
 - iii. Penyediaan Makanan (*Prepared Food Retailing*)

- b) Peruncitan Vendor (*Vendor Retailing*)
 - i. Pasar
 - ii. Kompleks Membeli Belah
 - iii. Medan Selera
- c) Vendor Bergerak / Penjaja (*Mobile Vendor*)
 - i. *Food Truck* atau Kenderaan Bergerak Bermotor
 - ii. Kiosk atau *Push Cart*
- d) Jualan Langsung (*Direct Selling*)
 - i. Daripada Rumah (*In-Home Retailing*)
 - ii. Melalui Telefon (*Telephone Retailing*)
 - iii. Jualan di Internet / Media Sosial (*Electronic Retailing: e-Retailing*)
 - iv. Pemasaran Pelbagai Peringkat (*Multilevel Marketing*)

6.3.5. Pemasaran Langsung

Format Peruncitan;

- a) Peruncitan Mel Terus (*Direct-Mail Retailing*)
 - i. *Direct Mail Packages*
 - ii. *Direct Mail Catalogs*
 - iii. *Direct-Mail Videologs*
- b) Peruncitan Melalui Pesanan Mel (*Mail Order Retailing*)
 - i. *Kupon (Coupons)*
 - ii. *Home Shopping*
 - iii. *Informercials*
- c) Peruncitan Tindak Balas Langsung (*Direct Response Retailing*)
 - i. *Videotex*
 - ii. *TV Media (“Interactive TV”)*

6.3.6. Perkhidmatan Utama

Format Peruncitan;

- a) Pengangkutan, Utiliti & Komunikasi
 - i. Pemberi Perkhidmatan Pengangkutan Jalan, Air dan Udara
 - ii. Komunikasi

- iii. Elektrik /Gas /Sanitari
 - iv. Saluran Paip
 - v. Perkhidmatan Surat Menyurat
 - b) Kewangan / Insuran & Hartanah
 - i. Depositori
 - ii. Kredit
 - iii. Sekuriti dan Broker
 - iv. Insuran
 - v. Hartanah
 - vi. Pelaburan
 - c) Pentadbiran Awam
 - i. Kerajaan Am
 - ii. Percukaian
 - iii. Sumber Manusia
 - iv. Persekutaran
 - v. Perumahan
 - vi. Ekonomi
 - vii. Keselamatan
 - d) Perkhidmatan Lain-Lain
 - i. Penginapan
 - ii. Penjagaan diri
 - iii. Automotif
 - iv. Pembaikan
 - v. Filem atau Wayang
 - vi. Rekreasi
 - vii. Kesihatan
 - viii. Undang-undang
 - ix. Pendidikan
 - x. Sosial
 - xi. Bukan Komersial
 - xii. Organisasi
- 6.4. Sebagai entiti perniagaan yang berdasarkan keuntungan, terdapat pelbagai model perniagaan yang bersifat gabungan atau hibrid yang boleh dibangunkan bagi tujuan menonjolkan format, konsep dan imej yang baru, berbeza dan unik di mata pelanggan.

- 6.5. Untuk tujuan Program Pemerkasaan Sektor Pemborongan & Peruncitan Koperasi dan seiring dengan matlamatnya; COOP Mart mensasarkan peruncitan yang fokus kepada kategori keselesaan masa dan tempat; dan juga mempunyai peruncitan dalam kategori bergerak.
- 6.6. COOP Mart kebiasaannya menjual produk makanan serta menawarkan barang asas dalam variasi produk untuk jualan runcitnya. Koperasi boleh memilih salah satu daripada enam (6) model peruncitan berikut;
 - 6.6.1. Kiosk - Vendor Bergerak (*Mobile Retailing*)
 - 6.6.2. Kedai Serbaneka (*Convenience Store*) - keselesaan masa dan tempat
 - 6.6.3. Pasar Mini (*Minimarket*) - keselesaan masa dan tempat
 - 6.6.4. Kedai Khusus (*Specialty Store*) - keselesaan masa dan tempat
 - 6.6.5. Pasar Raya (*Supermarket*) - keselesaan masa dan tempat
 - 6.6.6. Pasar Raya Besar (*Hypermarket*) - keselesaan masa dan tempat

7. MODEL DAN FORMAT PERUNCITAN COOP MART

7.1. Peruncitan Bergerak (*Kiosk*)

- 7.1.1. Kiosk tergolong dalam peruncitan secara bergerak (*mobile retailing*) untuk tujuan memberi keselesaan dan menjimatkan masa pelanggan akhir untuk mendapatkan barang. Kiosk biasanya beroperasi di lokasi, tempat atau yang mempunyai trafik pelanggan yang tinggi dan atas bentuk sewaan tapak seperti didalam kompleks membeli belah, di tapak ekspos, di ruang legar pejabat, di tempat konvension dan sebagainya.
- 7.1.2. Peruncitan daripada kiosk sangat menekankan kepada keunikan konsep dan model perniagaan ini bersifat sementara mengikut tempoh yang telah ditetapkan oleh pihak pengajur/pemilik bangunan. Kiosk juga berperanan untuk menarik pelanggan untuk datang ke sesuatu tempat dan memeriahkan suasana di tempat tersebut contohnya; Nelson's Sweet Corn & Snacks dan Daily Fresh.
- 7.1.3. Perniagaan yang beroperasi daripada kiosk beroperasi sendiri dengan 2 ke 4 orang pekerja sahaja, pekerja tetap atau sementara, 4 juruwang dan pembantu jualan.
- 7.1.4. Saiz kiosk terbahagi kepada dua iaitu kiosk saiz biasa (*standard size kiosk*): 3.4 meter x 3.4 meter (10 kaki x 10 kaki) dan *custom size kiosk*: mengikut spesifikasi yang diperlukan oleh peruncit. Saiz yang dibenarkan untuk COOP Mart ialah 2 meter x 2 meter (6.56 kaki x 6.56 kaki).
- 7.1.5. Di kiosk, peruncit menjual barang pelanggan yang tinggi jualan atau *Fast Moving Consumer Goods* (FMCG) seperti snek, minuman bertin atau kotak, gula-gula, produk kebersihan diri, surat khabar, majalah, dan lain-lain samada untuk *take-away or self-service*. Jumlah variasi barang atau *Stock Keeping Unit* (SKU) antara 30 ke 50 unit.
- 7.1.6. Anggaran kos pembangunan dan operasi kiosk adalah seperti berikut
 - a) Kos pembangunan kiosk: RM50,000 sehingga RM120,000
 - b) Sewaan kiosk: RM500 sehingga RM3,500 sebulan, bergantung kepada kadar sewaan tapak sesuatu lokasi.

- c) Kos alatan dan stok permulaan: RM5,000 sehingga RM10,000.
- d) Kos pentadbiran: RM5,000 sehingga RM10,000 sebulan.
- e) Kos latihan: RM3000 sehingga RM6,000 setahun.

7.1.7. Senarai Yuran Perkhidmatan

Yuran perkhidmatan ini ditetapkan mengikut strategi perniagaan masing-masing.

7.2. Kedai Serbaneka (*Convenient Store*)

- 7.2.1. Kedai serbaneka merupakan versi moden kedai runcit *Mom and Pop*. Kedai serbaneka menawarkan tempat yang selesa dan beroperasi dalam durasi masa yang lebih panjang (melebih 8 jam) atau *extended hours*. Contohnya; ANGKASA Mart, 7 Eleven dan KK Mart.
- 7.2.2. Ciri-ciri kedai serbaneka adalah ruangan yang kecil, padat, perkhidmatan yang cekap (*fast service*), lokasi hampir dengan kediaman atau tempat kerja pengguna akhir.
- 7.2.3. Kedai serbaneka biasanya beroperasi dari bangunan komersial yang mempunyai trafik yang tinggi. Kedai serbaneka berperanan sebagai pemintas atau *interceptor* untuk barang keperluan di waktu kecemasan. Lokasi yang dipilih perlu memudahkan pelanggan akhir mendapatkan barang dengan cepat.
- 7.2.4. Keluasan kedai serbaneka adalah kecil iaitu di antara 1000 kaki persegi ke 2000 kaki persegi (304.8 meter persegi ke 609.6 meter persegi).
- 7.2.5. Kedai serbaneka menjual barang makanan dan bukan makanan. Kedai serbaneka menawarkan banyak kategori barang tetapi pilihan barang (*product assortment*) yang terhad. Produk berjenama kebangsaan (*National Brand*) biasanya menjadi pilihan peruncit dan pelanggan akhir.
- 7.2.6. Produk yang sesuai dijual di kedai serbaneka termasuk FMCG seperti snek, minuman bertin atau kotak, gula-gula, produk kebersihan diri, surat khabar, majalah, dan lain-lain.

- 7.2.7. Jumlah SKU di antara 1000 ke 2000; bergantung kepada keluasan ruang lantai jualan. Harga barang biasanya dijual lebih tinggi daripada model peruncitan lain.
- 7.2.8. Jumlah pekerja yang disarankan sekurang-kurangnya 5 orang. Pekerja adalah berjawatan tetap atau sementara. Perjawatan yang disarankan 1 penyelia, 2 juruwang dan 2 pembantu jualan.
- 7.2.9. Anggaran kos pembangunan dan operasi kedai serbaneka adalah seperti berikut
 - a) Kos pembangunan kedai: RM160,000 sehingga RM224,000.
 - b) Sewaan kedai: RM1,500 sehingga RM3,500 sebulan, bergantung kepada kadar sewaan harta tanah sesuatu lokasi.
 - c) Pengubahsuaian dalaman kedai: RM57,140 sehingga RM114,280.
 - d) Kos alatan dan stok permulaan: RM86,000 sehingga RM172,000.
 - e) Kos pentadbiran: RM10,000 sehingga RM20,000 sebulan.
 - f) Kos latihan: RM7,500 setahun.

7.2.10. Senarai Yuran Perkhidmatan

Yuran perkhidmatan ini ditetapkan mengikut strategi perniagaan masing-masing.

7.3. Pasar Mini (*Minimarket*)

- 7.3.1. Pasar mini sesuai beroperasi di taman perumahan atau di bangunan pejabat yang mempunyai tempat letak kereta. Contoh; Coop Mart Koperasi Perbadanan Putrajaya Berhad, 99 Speedmart.
- 7.3.2. Ruang jualan pasar mini lebih besar daripada kedai serbaneka dan lebih kecil daripada pasaraya. Susun atur pasar mini dibangunkan untuk menggalakkan pembelian luar jangka atau *impulse purchase*.
- 7.3.3. Keluasan lantai jualan di antara 2,000 kaki persegi ke 4,000 kaki persegi persegi (609.6 meter persegi ke 1219.2 meter persegi).

- 7.3.4. Pasar mini menjual barang makanan dan bukan makanan. Produk yang sesuai dijual adalah barang keperluan harian samada kering atau basah atau campuran antara kedua-duanya.
- 7.3.5. Jumlah SKU di antara 2000 ke 4,000; bergantung kepada keluasan lantai jualan. Pasar mini menawarkan banyak kategori barang tetapi pilihan barang (*product assortment*) yang terhad. Banyak pasar mini yang telah memilih barang untuk bersaing dengan pasaraya.
- 7.3.6. Jumlah pekerja yang disarankan ialah di antara 5 ke 7 orang; sama ada pekerja tetap atau pekerja separuh masa. Perjawatan yang dicadangkan ialah 1 orang penyelia, 3 orang juruwang dan 3 orang pembantu jualan.
- 7.3.7. Anggaran kos pembangunan dan operasi pasar mini:
- a) Kos pembangunan kedai: RM224,000 sehingga RM448,000.
 - b) Sewaan kedai: RM1500 sehingga RM6,000 sebulan, bergantung kepada kadar sewaan harta tanah sesuatu lokasi.
 - c) Pengubahsuaian dalaman kedai: RM80,000 sehingga RM228,560.
 - d) Kos alatan dan stok permulaan: RM120,000 sehingga RM344,000.
 - e) Kos pentadbiran: RM10,000 sehingga RM20,000 sebulan.
 - f) Kos latihan: RM7,500 sehingga RM10,000 setahun.
- 7.3.8. Senarai Yuran Perkhidmatan
Yuran perkhidmatan ini ditetapkan mengikut strategi perniagaan masing-masing.
- 7.4. Kedai Khusus (*Specialty Store*)
- 7.4.1. Kedai khusus merupakan outlet perkhidmatan layan diri (*self-service*), atau separa layan diri (*semi-service*) atau perkhidmatan penuh (*full service*). Contoh: HalalMart, farmasi & kedai perkakasan (*hardware*).
- 7.4.2. Kedai khusus sesuai beroperasi di tempat segmen pelanggannya bertumpu atau berfokus.

- 7.4.3. Keluasan lantai jualan di antara 2,000 kaki persegi ke 4,000 kaki persegi (609.6 meter persegi ke 1219.2 meter persegi)
 - 7.4.4. Jumlah SKU di antara 2,000 ke 4,000; bergantung kepada keluasan ruang lantai jualan.
 - 7.4.5. Produk yang sesuai dijual disini adalah khusus dan terhad; iaitu barang yang spesifik kepada 1 atau 2 jenama atau 1 atau 2 kategori produk contoh; kedai perkakasan (*hardware*), kedai bakeri, kedai buku dan lain-lain.
 - 7.4.6. Jumlah pekerja yang disarankan ialah di antara 5 ke 7 orang; sama ada pekerja tetap atau pekerja separuh masa. Perjawatan yang dicadangkan ialah 1 orang penyelia, 3 orang juruwang dan 3 orang pembantu jualan.
 - 7.4.7. Anggaran kos pembangunan dan operasi kedai khusus:
 - a) Kos pembangunan premis: RM224,000 sehingga RM448,000.
 - b) Sewaan premis: RM1500 sehingga RM6,000 sebulan, bergantung kepada kadar sewaan harta tanah sesuatu lokasi.
 - c) Pengubahsuaian dalaman ruang jualan: RM80,000 sehingga RM228,560.
 - d) Kos alatan dan stok permulaan: RM120,000 sehingga RM344,000.
 - e) Kos pentadbiran: RM10,000 sehingga RM20,000 sebulan
 - f) Kos latihan: RM7,500 sehingga RM10,000 setahun.
 - 7.4.8. Senarai Yuran Perkhidmatan
Yuran perkhidmatan ini ditetapkan mengikut strategi perniagaan masing-masing.
- 7.5. Pasar Raya (*Supermarket*)
- 7.5.1. Pasar raya merupakan outlet berasaskan makanan secara layan diri (*self-service*) atau separa layan diri (*semi-service*). Jualan barang am adalah terhad. Contoh pasar raya: Pasaraya MG Coopmart dan Giant.
 - 7.5.2. Perkhidmatan bersifat layan diri bertujuan untuk menjimatkan kos operasi dan pertukaran inventori yang tinggi dengan

kadar keuntungan yang rendah. Perbelanjaan luar jangka adalah tinggi.

- 7.5.3. Keluasan pasar raya boleh menampung tempat letak kenderaan seperti mana yang telah ditetapkan oleh PBT.
 - 7.5.4. Keluasan lantai jualan pasaraya di antara 4,000 kaki persegi ke 30,000 kaki persegi atau 1,219.2 meter persegi ke 9,144 meter persegi.
 - 7.5.5. Jumlah SKU di antara 4,000 ke 30,000 bergantung kepada keluasan ruang lantai jualan.
 - 7.5.6. Pasaraya menawarkan kepelbagaian barang; makanan dan bukan makan, dalam pelbagai saiz, kuantiti dan bentuk pembungkusan. Pasaraya juga menawarkan pelbagai barang runcit kering, daging segar, hasil tenusu dan produk tenusu, makan siap seperti barang deli, bakeri dan lain-lain.
 - 7.5.7. Jumlah pekerja yang disarankan ialah diantara 7 ke 20 orang; samada pekerja tetap atau pekerja separuh masa.
 - 7.5.8. Anggaran kos pembangunan dan operasi pasar raya:
 - a) Kos pembangunan kedai: RM1,100,000 sehingga RM3,200,000
 - b) Sewaan kedai: (RM4.30 sekaki persegi) sebulan, bergantung kepada kadar sewaan harta tanah sesuatu lokasi.
 - c) Pengubahsuaian dalaman kedai: RM400,000 sehingga RM1,100,000 (RM57.14 sekaki persegi)
 - d) Kos alatan dan stok permulaan: RM602,000 sehingga RM1,700,000 (RM86 sekaki persegi)
 - e) Kos pentadbiran: RM10,000 sehingga RM14,000 sebulan
 - f) Kos Latihan RM7,500 -RM10,500 setahun
 - 7.5.9. Senarai Yuran Perkhidmatan
Yuran perkhidmatan ini ditetapkan mengikut strategi perniagaan masing-masing.
- 7.6. Pasar Raya Besar (*Hypermarket*)
- 7.6.1. Pasar raya besar merupakan outlet layan diri bersaiz besar. Pasar raya besar adalah cekap dan menawarkan “one stop

shopping", menggalakan perbelanjaan luar jangka (impulse purchase) dan menawarkan barang dengan keuntungan yang tinggi.

- 7.6.2. Keluasan sekurang-kurangnya 30,000 kaki persegi ke 50,000 kaki persegi atau 9,144 meter persegi ke 15,240 meter persegi.
- 7.6.3. Ciri-ciri bangunan: mempunyai tempat letak kereta, 80% ruang lantai niaga, 10% gudang dan 10% kawasan lapang berfungsi, gabungan kedai lain di bangunan yang sama.
- 7.6.4. Jumlah SKU diantara 30,000 ke 50,000; bergantung kepada keluasan ruang lantai jualan. Antara 20% ke 30% jualannya daripada barang am termasuk peralatan penyeliaan kebun, bunga, barang kecantikan dan kesihatan, pakaian, kelengkapan rumah, perabot, peralatan rumah bersaiz kecil. Ia menawarkan barang runcit/asas yang lengkap. Contoh; NSK.
- 7.6.5. Mempunyai lebih daripada 20 orang pekerja. Kombinasi pekerja berjawatan tetap dan sementara.
- 7.6.6. Anggaran kos pembangunan dan operasi bagi pasar raya besar:
 - a) Kos pembangunan premis: RM4,800,000 ke RM8,000,000 atau lebih.
 - b) Sewaan premis: RM129,000 ke RM215,000 sebulan atau lebih, bergantung kepada kadar sewaan hartanah sesuatu lokasi.
 - c) Pengubahaian dalaman kedai: RM1,680,000 ke RM2,800,000 atau lebih.
 - d) Kos alatan dan stok permulaan: RM2,580,000 ke RM4,300,000 atau lebih
 - e) Kos pentadbiran: RM24,000 sehingga RM40,000 sebulan atau lebih.
 - f) Kos latihan: melebih RM30,000 setahun.
- 7.6.7. Senarai Yuran Perkhidmatan
Yuran perkhidmatan ini ditetapkan mengikut strategi perniagaan masing-masing.

7.7. Ringkasan Model / Format Peruncitan COOP Mart

Model / Format	Lokasi	Barangan
Kiosk	Pusat membeli belah komuniti	<ul style="list-style-type: none"> • kategori barang (<i>product width</i>) dan kepelbagaian barang (<i>product assortment</i>) yang kecil • kualiti barang adalah pertengahan
Kedai Serba-neka	Kawasan kejiranan atau kediaman	<ul style="list-style-type: none"> • kategori barang (<i>product width</i>) dan kepelbagaian barang (<i>product assortment</i>) yang kecil • kualiti barang adalah pertengahan
Pasar Mini	Kawasan kejiranan atau kediaman	<ul style="list-style-type: none"> • kategori barang (<i>product width</i>) yang sederhana banyak • kepelbagaian barang (<i>product assortment</i>) yang kecil • kualiti barang adalah pertengahan
Kedai Khusus	Pusat perniagaan atau kawasan membeli belah	<ul style="list-style-type: none"> • kategori barang (<i>product width</i>) yang sangat kecil • kepelbagaian barang (<i>product assortment</i>) yang banyak • kualiti barang adalah pertengahan ke tinggi
Pasar Raya	Kawasan kejiranan atau kediaman	<ul style="list-style-type: none"> • kategori barang (<i>product width</i>) dan kepelbagaian barang yang banyak • kualiti barang adalah pertengahan • terdapat "<i>manufacturer private labeling</i>" & barang am
Pasar Raya Besar	Pusat membeli belah komuniti	<ul style="list-style-type: none"> • kategori barang (<i>product width</i>) dan kepelbagaian barang yang banyak • kualiti barang adalah pertengahan • terdapat <i>manufacturer private labeling</i> & barang am

8. LESEN PERNIAGAAN RUNCIT


Dalam melaksanaan perniagaan runcit oleh koperasi, beberapa kriteria perlu dipatuhi sebelum memulakan perniagaan terutamanya berkaitan dokumen dan lesen yang mengikut syarat untuk mengelakkan sebarang masalah dengan pihak agensi yang mengawal selia sektor ini. Keperluan dokumen dan lesen adalah seperti berikut:

- 8.1. Sijil Pendaftaran Koperasi
- 8.2. Aktiviti Koperasi Dinyatakan Fungsi Dalam Undang-Undang Kecil Koperasi Adalah Pengguna
- 8.3. Lesen Perniagaan Dari Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)
- 8.4. Lesen Bagi Barang Kawalan Berjadual
 - a) Kementerian yang mengawal selia lesen ini adalah KPDNHEP
 - b) Rujukan / pautan laman web KPDNHEP:
<https://www.kpdnhep.gov.my/ms/perdagangan/perniagaan/pengurusan-perlesenan/>
 - c) Peruncit perlu memohon Lesen Runcit untuk menjual barang kawalan. Barang yang dikategorikan sebagai barang-barang kawalan berjadual termasuk;
 - i. gula
 - ii. tepung gandum
 - iii. minyak masak
 - iv. baja
 - v. kerosin
 - vi. petrol, spirit motor dari semua gred
 - vii. bahan api diesel
 - viii. bar bulat, keluli lembut
 - ix. simen
 - x. gas & petroleum cecair (perlu kelulusan dari pihak bomba)
 - e) Cara memohon:
Semua permohonan boleh dimohon secara atas talian di laman web, <https://bless2.bless.gov.my/bless2/login>. Tatacara dan borang permohonan lesen boleh dimuat turun dari laman web KPDNHEP;

8.5. Lesen Kawal Selia Padi Beras

- a) Kementerian yang mengawal selia lesen ini adalah MAFI
- b) Rujukan / pautan laman web MAFI:
<http://www.elesen.mafi.gov.my/>

CARA MEMOHON LESEN



9. SENARAI PUSAT PENGEDARAN KOPERASI

(Setakat 30 September 2022)

Senarai pusat pengedaran koperasi ini boleh dijadikan rujukan dan pusat perolehan bekalan runcit bagi mana-mana koperasi yang terlibat dalam perniagaan peruncitan ini.

Bil	Koperasi DC	Maklumat Perhubungan	Kategori Barang	Negeri Operasi
1	Koperasi Permodalan Felda Malaysia Berhad (KPF)	DC 1 – KPF Unit Distribusi Felda Jengka 03, 26400 Bandar Jengka, Pahang <i>DC dioperasikan melalui KPF Trading Sdn. Bhd (anak syarikat milik penuh KPF)</i> En. Irwan Sanusi: 019-7325332	Barangan keperluan harian (kering)	Pahang
2.	Koperasi Permodalan Felda Malaysia Berhad (KPF)	DC 1 – KPF Unit Distribusi Kuantan, Lot 67, Kawasan Perindustrian Gebeng, 26700 Kuantan, Pahang <i>DC dioperasikan melalui KPF Trading Sdn. Bhd (anak syarikat milik penuh KPF)</i> En. Irwan Sanusi: 019-7325332	Barangan keperluan harian (kering)	Pahang
3.	Koperasi Permodalan Felda Malaysia Berhad (KPF)	DC 1 – KPF Unit Distribusi Bandar Tenggara, Lot PBT 266-JT1-52, 81440 Bandar Tenggara, Johor <i>DC dioperasikan melalui KPF Trading Sdn. Bhd (anak syarikat milik penuh KPF)</i> En. Irwan Sanusi: 019-7325332	Barangan keperluan harian (kering)	Johor
4.	Koperasi Permodalan Felda Malaysia Berhad (KPF)	DC 1 – KPF Unit Distribusi Serting, 72120 Bandar Seri Jempol, Negeri Sembilan <i>DC dioperasikan melalui KPF Trading Sdn. Bhd (anak syarikat milik penuh KPF)</i> En. Irwan Sanusi: 019-7325332	Barangan keperluan harian (kering)	Negeri Sembilan

Bil	Koperasi DC	Maklumat Perhubungan	Kategori Barang	Negeri Operasi
5.	Koperasi Permodalan Felda Malaysia Berhad (KPF)	<p>DC 1 – KPF D'Mart Borong Tawau, Sabah</p> <p><i>DC dioperasikan melalui KPF Trading Sdn. Bhd (anak syarikat milik penuh KPF)</i></p> <p>En. Irwan Sanusi: 019-7325332</p>	Barangan keperluan harian (kering)	Sabah
6.	Koperasi Permodalan Felda Malaysia Berhad (KPF)	<p>DC 1 KPF D'Mart Borong Lahad Datu, Sabah</p> <p><i>DC dioperasikan melalui KPF Trading Sdn. Bhd (anak syarikat milik penuh KPF)</i></p> <p>En. Irwan Sanusi: 019-7325332</p>	Barangan keperluan harian (kering)	Sabah
7.	Koperasi Perwaja Kemaman Berhad	<p>Taman Perumahan Perwaja, 24000 Kemaman, Terengganu</p> <p>En. Abd Halim: 012-9698157</p>	Barangan keperluan harian (kering / basah dan sejuk beku)	Terengganu
8.	Koperasi Tenaga Muda Hulu Besut Berhad	<p>Lot 4122, Bangunan Pekedaian Permint, Kg Pasir Akar, 22000 Jertih, Terengganu</p> <p>En. Zainol: 019-2852966</p>	Barangan keperluan harian (kering / basah dan sejuk beku)	Terengganu
9.	Koperasi Pembangunan Rakyat Parlimen Kuala Terengganu Berhad	<p>Pejabat UMNO Bahagian Kuala Terengganu, No. 220, Jalan Sultan Muhamad, Gong Kapas, 21100 Kuala Terengganu</p> <p>En. Mohd Ripin: 013-9805345 kopera.parlimen@yahoo.com</p>	Barangan keperluan harian	Terengganu
10.	Koperasi Jabatan Penjara Malaysia Berhad (KOPEN)	<p>17, Jalan Pusat Perniagaan 2, Pusat Perniagaan Sungai Jelok, 43000 Kajang Selangor</p> <p>En. Firdaus: 016-8880667 / 011-10100667</p>	Barangan keperluan harian (kering)	Selangor

Bil	Koperasi DC	Maklumat Perhubungan	Kategori Barang	Negeri Operasi
11.	Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA)	<p>Warehouse Central Region Lot 82A (Pt 41163), Lorong 3, Kampung Tengah, Batu 13, Jalan Puchong Shah Alam, 47100 Puchong, Selangor</p> <p>En. Mohamad Zakry: 0132479581 zakry.angkasa@gmail.com</p>	Barangan keperluan harian (kering)	Selangor
12.	Koperasi Masjid Nurul Yaqin Kelana Jaya Berhad	<p>Jalan SS7/8, Kelana Jaya, 47301 Petaling Jaya, Selangor</p> <p>Datuk Lamien: 0192254510 / 019-2254510 (Admin) koyaqinkj@gmail.com</p>	Barangan keperluan harian	Selangor
13.	Koperasi Keluarga Hj Zabir Kelantan Berhad	<p>No.62, Jalan Kweng Hitam, 18500 Machang, Kelantan</p> <p>En. Faizul: 013-9396887</p>	Barangan keperluan harian (kering / sejuk beku)	Kelantan
14.	Koperasi Warga Universiti Sains Malaysia Kelantan Berhad	<p>Lot 8014, Tongkat 1, Bandar Satelit Islam Pasir Tumboh, 16150 Kota Bharu, Kelantan</p> <p>No. Tel: 09-765224 kwusmkb@usm.my</p>	Barangan keperluan harian (kering)	Kelantan
15.	Koperasi Kemajuan Bersama Kuala Krai Kelantan Berhad	<p>Lot 4385, Cabang Tiga Sg. Sok, 18000 Kuala Krai, Kelantan</p> <p>En. Shahrul Nizam: 013-4631612 coopkemajuankualakrai@gmail.com</p>	Barangan keperluan harian	Kelantan
16.	Koperasi Atira Kelantan Berhad	<p>Wisma Atira, Pt 2506, Tingkat 1, Jalan Raja Perempuan Zainab II, Panji, 15200 Kota Bharu, Kelantan</p> <p>En. Wan Haswardi: 09-7433934 / 013-9866227 wadiidraw@gmail.com</p>	Barangan keperluan harian	Kelantan
17.	Koperasi Keluarga Haji Awang Ketereh Berhad	<p>Lot 1826, Batu 11, Ketereh, 16450 Ketereh, Kota Bharu, Kelantan</p> <p>No. Tel: 09-7127808 adhwabasri@gmail.com</p>	Barangan keperluan harian	Kelantan

Bil	Koperasi DC	Maklumat Perhubungan	Kategori Barang	Negeri Operasi
18.	Koperasi Song Kapit Berhad	Lot 114, Jalan Godown, Pekan Song, 96850 Song, Kapit, Sarawak En. Baleng Anak Jenge: 019-8184001	Barangan keperluan harian (kering)	Sarawak
19.	Koperasi Kampung Bunan Serian Berhad	D/A Kampung Bunan, 94700 Serian En. Joseph: 014-8950776	Barangan keperluan harian (kering)	Sarawak
20.	Koperasi Komuniti Kampung Mujat Serian Berhad	Peti Surat 4, Kg. Mujat Serian, 94700 Samarahan, Sarawak. No. Tel : 010-2007197 / 014-8956337 kopmujat@gmail.com	Barangan keperluan harian (kering)	Sarawak
21.	Koperasi Wawasan Rakyat Sabah Berhad	Lot 48, Lorong Industri Warisan 3, Taman Industri Warisan Indah, Inanam, 88450 Kota Kinabalu En. Darren Lo : 012-2237971	Barangan keperluan harian (kering / sejuk beku)	Sabah
22.	Koperasi Pembangunan Usahasama Masyarakat Maju Sabah Berhad	Lot 19,20 & 21, Tingkat 2, Wisma Haji Sedi & Hajjah Apsah, Pasaraya Coop Mart, Putatan Court, Jalan Kompleks JKR, 88200 Kota Kinabalu, Sabah En. Ramlan: 011-25674660	Barangan keperluan harian (kering / basah / sejuk beku)	Sabah
23.	Koperasi Emas Tawau Sabah Berhad (Kopemas)	Tb 144065, Lot 258, Blok A, Taman Unipark, Km 6, Jalan Utara, 91000 Tawau, Sabah Pn. Kamariah: 019-8622622	Barangan keperluan harian (kering)	Sabah
24.	Koperasi Kampung Magatang Keningau Berhad	D/A Kampung Magatang, Peti Surat 211, 89008 Keningau, Sabah En. Ganiu Doon: 019-8579931	Barangan keperluan harian (kering)	Sabah
25.	Koperasi Peserta Felda Sungai Koyan Dua Berhad	D/A Kedai Coop Mart, Felda Sungai Koyan 2, 27650 Raub, Pahang En. Kamarul Ariffin: 019-9835458	Barangan keperluan harian (kering)	Pahang
26.	Koperasi Peneroka Felda Tersang Tiga Berhad	No. 148, Felda Tersang 3, 27600 Raub, Pahang. En. Mohammad: 017-9190937	Barangan keperluan harian (kering)	Pahang

Bil	Koperasi DC	Maklumat Perhubungan	Kategori Barang	Negeri Operasi
27.	Koperasi Makmur Malaysia Berhad (KOMAKMUR)	DC 1 – KOMAKMUR Blok A & B, Lot 70, Kawasan Perindustrian Semambu, 25350 Kuantan, Pahang No. Tel: 09-5133652 komakmur2019@gmail.com	Barangan keperluan harian (kering / basah / sejuk beku)	Pahang
28.	Koperasi Makmur Malaysia Berhad (KOMAKMUR)	DC 2 – KOMAKMUR No. 37, Jalan Perindustrian Suntrack, Hub Perindustrian Suntrack, Off Jalan P1A Seksyen 13, 43600 Bandar Baru Bangi, Selangor No. Tel: 09-5133652 komakmur2019@gmail.com	Barangan keperluan harian (kering / basah / sejuk beku)	Selangor
29.	Gabungan Koperasi Pembangunan KEDA Berhad	Lot. 6, Bengkel IKS Keda, Sungai Bongkok, 08300 Gurun, Kedah No. Tel: 04-4615501 gkoopkeda@gmail.com	Barangan keperluan harian (kering)	Kedah
30.	Koperasi Guru Besar Sekolah Kebangsaan Pulau Pinang Berhad	C-6, Kompleks Tasek Gelugor, Tasek Gelugor, Seberang Perai, 13300 Pulau Pinang En. Zakaria Othman: 011-32719658	Barangan keperluan harian (kering / sejuk beku)	Pulau Pinang
31.	Koperasi Satu Harakah Perlis Berhad	No. 5246 Kg. Titi Beratap, Behor Mali, 02700 Simpang Empat, Perlis En. Khairuddin: 018-9432375	Barangan keperluan harian (kering)	Perlis
32.	Koperasi Peserta -Peserta Rancangan Felcra Seberang Perak Berhad	Lot 04217, Coop Business Centre, Lebuh Paduka, Felcra Bandar Seberang Perak, 36800 Kpg Gajah, Perak En. Faizal: 013-5254025	Barangan keperluan harian (kering)	Perak
33.	Koperasi Imuara Muar Berhad	No. 16a, Jalan Sejahtera 1, Taman Sri Temenggong, Jalan Temenggong Ahmad, 84000 Muar, Johor En. Nik Aziz: 019-6227727 mojacorps@gmail.com	Barangan keperluan harian (kering / sejuk beku)	Johor

Bil	Koperasi DC	Maklumat Perhubungan	Kategori Barang	Negeri Operasi
34.	Koperasi SMK Senggarang Batu Pahat Berhad	Sekolah Menengah Kebangsaan Senggarang, Jalan Parit Jabar, Senggarang, 83200 Batu Pahat, Johor En. Azman : 07-4291234 / 017-7775005	Barangan keperluan harian	Johor
35.	Koperasi Peneroka-Peneroka Felda Air Tawar 5 Berhad	D/A Felda Air Tawar 5, 81920 Kota Tinggi , Johor No. Tel: 07-8953030 koperasiat5@gmail.com	Barangan keperluan harian	Johor
36.	Koperasi Gemilang Malaysia Berhad	No. 06, Jalan Balam, Melalui Jalan Ipoh 5100, Jalan Ipoh Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Dato' Sharifah: 03-76651961 support@kgmb.com.my	Barangan keperluan harian	WP Kuala Lumpur

10. PUNCA KUASA DOKUMEN

Garis Panduan ini telah dibentang dan dipersetujui oleh Ketua Setiausaha KUSKOP pada 8 Jun 2022 dan Mesyuarat Pasca Kabinet Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi Bil. 15/2022 pada 8 Jun 2022.

Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Pembangunan Kapasiti Ekonomi Gerakan Koperasi (JPPKEK) Bil. 3/2022 yang diadakan pada 27 Oktober 2022 telah bersetuju supaya Garis Panduan ini dibuat edaran untuk rujukan pihak-pihak berkaitan.

Disediakan Oleh:

Institut Koperasi Malaysia

Bahagian Keusahawanan dan Perniagaan
Sektor Keberhasilan
COOP RACE (Pemborongan dan Peruncitan)
103, Jalan Templer
46700 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-7964 9000

Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Bahagian Pembangunan Koperasi
Tingkat 2, Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia,
Changkat Semantan,
Off Jalan Semantan, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur
Tel: 03-2083 4200